

PM yakin jambatan baru Malaysia, Singapura

Um - 12/5/2007

KUALA LUMPUR 11 Mei - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yakin akan ada jambatan baru dibina untuk menghubungkan Malaysia dan Singapura satu hari nanti.

Menurut Perdana Menteri, adalah menjadi harapan beliau untuk melihat bukan satu tetapi beberapa buah jambatan dibina untuk menghubungkan kedua-dua negara.

"Satu hari nanti saya percaya antara Singapura dan Malaysia akan ada banyak jambatan, seperti yang berlaku di tempat-tempat lain termasuk di New York, Amerika Syarikat dan Korea Selatan walaupun jambatan-jambatan itu bukan menghubungkan dua negara berasingan.

"Sungai atau selat yang memisahkan dua negara tidak akan menjadi penghalang kepada perlunya diwujudkan jambatan-jambatan untuk kemudahan lalu lintas dan saya pasti ia (pembinaan jambatan) akan berlaku nanti," katanya.

Abdullah yang juga Presiden UMNO berkata demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan Sambutan Ulang Tahun Ke-61 UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini. Majlis itu turut dihadiri oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan Setiausaha Agung UMNO, Datuk Seri Radzi Sheikh Ahmad.

Pada sidang akhbar itu, Perdana Menteri diminta mengulas sama ada pembatalan pembinaan jambatan menghubungkan Malaysia-Singapura kekal seperti yang dinyatakan oleh Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S. Samy Vellu ketika melawat Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (KIK) Bukit Chagar di Johor Bahru semalam.

Jambatan

Ketika ditanya adakah isu pembinaan jambatan itu akan dibincangkan dalam perjumpaan beliau dengan Hsien Loong di Langkawi, Perdana Menteri berkata:

"Di Langkawi nanti kita pergi dengan fikiran yang terbuka dan nak tengok situasi yang baru."

Kerajaan pada April tahun lalu memutuskan untuk membatalkan projek pembinaan jambatan menggantikan Tambak Johor ekoran implikasi dan komplikasi undang-undang.

Sementara itu, Abdullah mengarahkan jabatan-jabatan kerajaan memohon peruntukan yang mencukupi bagi menyelenggara bangunan masing-masing.

Tegas beliau, peruntukan yang cukup penting bagi memastikan kerja-kerja penyelenggaraan dapat dilakukan dengan sempurna dan tidak berlaku sebarang kerosakan dalam tempoh tertentu.

"Jabatan-jabatan perlu pandai membuat unjuran peruntukan yang diperlukan untuk menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan bangunan masing-masing," katanya.

Abdullah mengulas mengenai rungutan jabatan-jabatan kerajaan bahawa peruntukan yang tidak mencukupi menyebabkan penyelenggaraan bangunan gagal dilakukan dengan sempurna.

Ujarnya, beliau tahu bahawa peruntukan penyelenggaraan akan bertambah mengikut usia bangunan.